

**UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ZAKAT
DI ACEH DAN NEGERI KEDAH: SATU
KAJIAN PERBANDINGAN**

ANWAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2012

**UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ZAKAT
DI ACEH DAN NEGERI KEDAH: SATU
KAJIAN PERBANDINGAN**

Oleh

ANWAR

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah
Doktor Falsafah**

2012

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya

18 Jun 2012

ANWAR

P-HD0020/08 (R)

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allāh s.w.t. dan selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muḥammad s.a.w. kerana dengan rahmat dan kurnia-Nya maka penulisan tesis ini yang bertajuk “Kajian Terhadap Undang-Undang Pentadbiran Zakat di Aceh dan Negeri Kedah: Satu Kajian Perbandingan”, telah dapat disempurnakan juga akhirnya.

Pengkaji ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan terimakasih yang setinggi-tingginya kepada Dr. Jasni bin Sulong selaku penyelia utama tesis ini. Tanpa bimbingan, tunjuk ajar dan komen yang membina daripada beliau, pengkaji yakin penulisan tesis ini sukar disiapkan.

Penghargaan dan terimakasih juga ditujukan kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia (USM) dan kepada Pengerusi Bahagian Pengajian Islam yang telah memberi tunjuk ajar dan kerjasama dalam menyiapkan tesis ini.

Selanjutnya penghargaan ditujukan kepada Naib Canselor dan Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS) serta semua pihak di USM yang telah memberi peluang pengajian untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada RCMO yang telah memberikan Geran Penyelidikan Siswazah kepada pengkaji, sehingga telah memudahkan pengkaji di dalam menjalankan kajian ini. Terimakasih juga kepada semua pegawai USM serta para pegawai perpustakaan USM di atas segala bantuan yang telah diberikan.

Seterusnya, pengkaji ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa yang dikasihi, Allahyarham Hindun binti Arief dan Tgk. Muhammad Ali bin Daud yang tidak akan pernah dapat pengkaji lupakan. Semoga Allāh s.w.t. selalu memberikan maghfirah dan lindunganNya serta melapangkan kuburnya dan menjadikan kuburnya sebagai taman syurga.

Penghargaan dan terimakasih yang setinggi-tingginya pengkaji tujukan juga kepada isteri Dr. Mawaddah Fitria dan anak-anak yang tercinta iaitu Nasywa Fawwaza, Fathin Rahma Fawwaza, Muhammad Hafizh Fawwaz dan Nadhifa Amalina Fawwaza yang telah berkongsi rasa suka dan duka di sepanjang tempoh pangajian ini berjalan. Mereka telah kehilangan hak-hak dan kasih sayang seorang suami dan ayah, semoga mereka dapat memaafkan pengkaji dan semoga Allāh membalas semua pengorbanan dan kebaikan mereka.

Seterusnya penghargaan yang tidak terhingga dan rasa kehilangan pengkaji yang sangat mendalam kepada *al-marhumah* kakak-kakak iaitu Khadijah, Hasanah, Umi Salamah, Hindun dan Rabiah, mereka dipanggil kembali oleh Allāh s.w.t. dan meninggalkan pengkaji serta keluarga untuk selama-lamanya, tepat pada masa pengkaji sedang belajar di USM sehingga pengkaji merasa sangat sedih kerana tidak dapat mendampingi mereka di akhir hayatnya. Berkat doa dan bantuan mereka jugalah pengkaji sampai ke peringkat Ph.D. Permohonan yang tulus dan ikhlas dari dalam lubuk hati yang sangat mendalam pengkaji mohon kepada Allāh s.w.t., semoga Allāh s.w.t. yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang merahmati mereka dan juga menempatkan mereka pada tempat yang sebaik-baiknya.

Pengkaji juga berhutang budi dan mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada kakak pengkaji yang masih hidup dan tinggal satu-satunya, iaitu kakak Sumiati dan sahabat pengkaji Mulia Saputra yang telah bermurah hati menghulur bantuan dan kesempatan serta doa bagi memudahkan pengajian dan penyempurnaan tesis ini.

Selain itu, terima kasih juga kepada bapak Drs. H, Amrullah sebagai Kepala Baitulmal Provinsi Aceh dan juga kepada para pegawai Baitulmal yang telah banyak memberikan bantuan dan kemudahan-kemudahan kepada pengkaji semasa melakukan pengumpulan data di Baitulmal Provinsi Aceh. Begitu juga terima kasih pengkaji ucapkan kepada pihak Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK) Darul Aman, terutama Ustaz Hj. Abd Hamid bin Lebai Saad dan Ustaz Ridzuan B. Ahmad yang telah banyak membantu pengkaji dalam menjalankan dan menyelesaikan kajian ini. Semoga Allāh membalas semua kebaikan mereka.

Tidak ketinggalan, ucapan penghargaan dan terimakasih ditujukan kepada mana-mana individu yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penghasilan tesis ini. Semoga Allāh memberi ganjaran yang baik atas segala sumbangan dan bantuannya. Akhirnya, harapan pengkaji semoga tesis ini dapat bermanfaat bagi kita semua dan semoga Allāh memberkati dan meridhainya. *Āmīn Yā Rabbal ‘Ālamīn.*

Anwar

Universiti Sains Malaysia

Jun 2012

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
PANDUAN TRANSLITERASI	xviii
ABSTRAK	xx
ABSTRACT	xxi

BAB SATU – PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	11
1.3	Objektif Kajian	14
1.4	Skop Kajian	14
1.5	Kepentingan Kajian	15
1.6	Tinjauan Kajian Terdahulu	17
1.7	Metodologi Kajian	24
1.7.1	Metod Pengumpulan Data	25
1.7.1.1	Metod Dokumentasi	26
1.7.1.2	Metod Siasatan dan Temubual	27
1.7.2	Metod Analisis Data	28

1.7.2.1 Metod Induktif	28
1.7.2.2 Metod Deduktif	29
1.7.2.3 Metod Komparatif	29

BAB 2 – UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ZAKAT PADA ZAMAN AWAL ISLAM

2.1	Pendahuluan	31
2.2	Definisi Terminologi	31
	2.2.1 Zakat	31
	2.2.2 Pentadbiran	34
	2.2.3 Undang-Undang	37
	2.2.4 Undang-Undang Pentadbiran Zakat	38
2.3	Undang-Undang Pentadbiran Zakat pada Zaman Rasūlullāh s.a.w.	39
	2.3.1 Zaman Makkah	39
	2.3.2 Zaman Madinah	42
	2.3.3 Pentadbiran Zakat	45
2.4	Undang-Undang Pentadbiran Zakat pada Zaman <i>Khulafā al-Rāsyidīn</i>	55
2.5	Perluasan Institusi (Pengurusan) Zakat	60
2.6	Perkembangan Sumber-Sumber Zakat	64
2.7	Pembayaran Zakat Kepada ‘ <i>Āmil</i> (Pemerintah) dan Penerima Secara Langsung	68
2.8	Pengagihan Zakat Kepada <i>Aṣṇāf</i> Lapan	73

BAB TIGA – UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ZAKAT DI ACEH

3.1	Pendahuluan	79
-----	-------------	----

3.2	Geografi dan Penduduk Aceh	80
3.3	Sejarah dan Kedatangan Islam ke Aceh	82
3.3.1	Sebelum Kedatangan Islam	82
3.3.2	Semasa Kedatangan Islam	83
3.3.3	Semasa Penjajahan	89
3.3.4	Masa Kemerdekaan dan Provinsi Istimewa	90
3.4	Sejarah Undang-Undang Pentadbiran Zakat di Indonesia	94
3.4.1	Pentadbiran Agama	95
3.4.2	Pentadbiran Zakat	102
3.4.3	Badan <i>'Āmil</i> Zakat Nasional (BAZNAS)	112
3.4.4	Susunan Badan <i>'Āmil</i> Zakat Nasional (BAZNAS)	112
3.4.5	Fungsi dan Tugas Badan <i>'Āmil</i> Zakat Nasional (BAZNAS)	113
3.5	Kedudukan Undang-Undang Pentadbiran Zakat di Aceh	115
3.5.1	Ketentuan Hukuman	119
3.5.2	Pelaksanaan <i>'Uqūbat</i>	121
3.5.3	Undang-Undang dan Fatwa-Fatwa Mengenai Zakat	121
3.5.3.1	Undang-Undang	122
3.5.3.2	Fatwa Ulama Aceh	123
3.6	Sistem Pengurusan Zakat di Aceh	123
3.7	Penubuhan dan Pengurusan Baitulmal	126
3.8	Sejarah Undang-Undang Pentadbiran Zakat di Aceh	127
3.9	Profil Baitulmal Aceh	131
3.9.1	Struktur Baitulmal Aceh	132
3.9.2	Ruang Lingkup Kuasa Baitulmal Aceh	132

3.9.3	Sumber Pemasukan Harta Baitulmal Aceh	136
3.9.4	Pemberdayaan Harta Zakat di Baitulmal Aceh	137
3.10	Pentadbiran Zakat/Baitulmal Sesudah <i>Memorandum of Understanding (MoU) Helsinki</i>	139
3.11	Pungutan Zakat di Aceh	142
3.12	Pengagihan Zakat di Aceh	151

BAB EMPAT – UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ZAKAT DI KEDAH

4.1	Pendahuluan	153
4.2	Negeri Kedah	153
4.2.1	Lokasi	153
4.2.2	Sejarah Negeri Kedah	155
4.2.3	Gelaran Darul Aman	158
4.2.4	Kolonialisme di Negeri Kedah	159
4.3	Hubungan Kedah dan Aceh	161
4.4	Sejarah Undang-Undang Pentadbiran Zakat di Negeri Kedah	172
4.4.1	Penggubalan Undang-Undang Zakat	178
4.4.2	Enakmen Zakat Tahun Tahun 1374H (1955M)	181
4.4.3	Peraturan-Peraturan Zakat Tahun 1962	183
4.4.4	Peraturan-Peraturan Zakat Tahun 1982	185
4.4.5	Pindaan Zakat 1988	188
4.4.6	Pindaan Zakat 1997	191
4.4.7	Pelaksanaan Undang-Undang Zakat	192
4.5	Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK)	194

4.5.1	Objektif Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman	197
4.5.2	Visi Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman	198
4.5.3	Organisasi Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman	199
4.6	Sistem Pengurusan Zakat di Kedah	199
4.6.1	Kemudahan Perkhidmatan	200
4.6.2	Perolehan Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman	202
4.6.3	Agihan Zakat pada Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman	210
4.7	Penguatkuasaan Undang-Undang Zakat	211
4.7.1	Jenis-Jenis Kesalahan yang Boleh Didakwa dan Hukuman Keatas Kesalahan-Kesalahn Mengikut Enakmen Zakat Negeri Kedah	212
4.7.2	Kes-Kes yang Didakwa di Mahkamah	215
4.7.2.1	Kengganannya Memberi Maklumat Sebenar Kepada <i>'Āmil</i>	215
4.7.2.2	Keengganan Membayar Zakat Kepada Pihak Pemerintah	216
4.7.2.3	Penerimaan Zakat Daripada Orang Lain Sedangkan Beliau Bukan <i>'Āmil</i> yang Dilantik	218
4.7.2.4	Kesalahan <i>'Āmil</i> Kerana Tidak Melaksanakan Tugas Dengan Betul	218
4.8	Perundangan Zakat Masa Sekarang	221
4.9	Peranan Dakwah dan Fungsi Zakat Jabatan Zakat	224
4.10	Pemberdayaan Harta Zakat di Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK)	229
4.10.1	Bantuan Jayadiri	229
4.10.2	Sasaran Bantuan Jayadiri	230
4.10.3	Bentuk-Bentuk Bantuan Jayadiri	230

4.10.4 Pemantauan Oleh Pegawai Agihan	232
---------------------------------------	-----

BAB LIMA – PERBANDINGAN SISTEM UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ZAKAT DI ACEH DENGAN NEGERI KEDAH

5.1	Pendahuluan	234
5.2	Pengaruh Penjajahan	234
5.3	Institusi Pentadbiran Zakat di Aceh dan Negeri Kedah (JZNK)	238
5.3.1	Baitulmal dan Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK)	238
5.3.2	Harta Zakat dan Harta Agama Lainnya	239
5.3.3	Matlamat yang Ingin Dicapai Melalui Visi dan Misi	241
5.3.4	Struktur Institusi Zakat Baitulmal dan JZNK	246
5.3.5	Pegawai Zakat	248
5.4	Undang-Undang Pentadbiran Zakat di Aceh dan Negeri Kedah	249
5.4.1	Penggubalan Undang-Undang Pentadbiran Zakat	249
5.4.2	Penggubalan Qanun dan Peraturan-Peraturan Zakat	252
5.4.3	Pindaan Undang-Undang Pentadbiran Zakat	255
5.4.4	Penguatkuasaan Undang-Undang Pentadbiran Zakat	257
5.5	Perbandingan Kutipan Zakat di Baitulmal Aceh dan Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK)	265
5.6	Perbandingan Agihan Zakat di Baitulmal Aceh dan Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK)	267
5.7	Sumber dan Pemberdayaan Harta Zakat	268
5.7.1	Sumber Penerimaan Baitulmal Aceh dan Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK)	270
5.7.2	Pemberdayaan Harta Zakat di Baitulmal Aceh dan Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK)	271

BAB ENAM – KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	280
6.2	Kesimpulan	280
6.3	Cadangan	293

BIBLIOGRAFI	296
--------------------	------------

LAMPIRAN	315
-----------------	------------

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 3.1	Jumlah Penerimaan Seluruh ZIS Baitulmal Aceh Tahun 2006-2009	142
Jadual 3.2	Total Penerimaan Zakat Padi dan Zakat Fitrah Serta Jumlah desa Baitulmal Gampong Kabupaten/Kota Tahun 2009	146
Jadual 3.3	Jumlah Agihan Zakat di Baitulmal Aceh Mengikut Asnaf Bagi Tahun 2006 Sehingga 2009	151
Jadual 4.1	Keluasan Kawasan Daerah-Daerah Negeri Kedah	154
Jadual 4.2	Jumlah Kutipan Zakat Jabatan Zakat (JZNK) Darul Aman Tahun 2006-2009	202
Jadual 4.3	Bilangan Pembayar Zakat Pada Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK) Darul Aman Tahun 2006-2009	205
Jadual 4.4	Jumlah Kutipan Zakat Mengikut Daerah Tahun 2006-2009	207
Jadual 4.5	Jumlah Kutipan Zakat Mengikut Negeri Tahun 2008	209
Jadual 4.6	Agihan Zakat Mengikut <i>Aṣnāf</i> Bagi Tahun 2006 – 2009	210
Jadual 5.1	Perbandingan Kutipan Zakat di Baitulmal Aceh dan Jabatan Zakat Negeri Kedah.	265
Jadual 5.2	Perbandingan Agihan Zakat di Baitulmal Aceh dan Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK).	267

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 3.1	Jumlah Penerimaan Seluruh ZIS Baitulmal Aceh Tahun 2006 - 2009	143
Rajah 3.2	Total Penerimaan Zakat Padi dan Zakat Fitrah Serta Jumlah desa Baitulmal Gampong Kabupaten/Kota Tahun 2009	147
Rajah 3.3	Jumlah Penerimaan ZIS Mulai Tahun 2006-2009 Setelah Ada Penambahan Data Penerimaan Zakat Padi dan Zakat Fitrah Tahun 2009	149
Rajah 4.1	Kedudukan Negeri Kedah Dalam Peta Malaysia	154
Rajah 4.2	Sempadan Daerah-Daerah Negeri Kedah	154
Rajah 4.3	Peratusan Taburan Penduduk Mengikut Etnik	155
Rajah 4.4	Carta Penggubalan Enakmen Zakat	194
Rajah 4.5	Carta Organisasi Urus Tadbir Zakat Kedah	197

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A Undang-Undang Zakat No. 38/1999 Tentang Pengelolaan Zakat	315
Lampiran B Undang-Undang No. 44/1999 Tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Aceh provinsi Daerah Istimewa Aceh	325
Lampiran C Undang-Undang Zakat No. 11/2006 Tentang Pemerintahan Aceh	332
Lampiran D Qanun Aceh No. 10/2007 Tentang Baitulmal	335
Lampiran E Enakmen Zakat No. 4 Tahun 1374H (1955M)	357
Lampiran F Susunan Organisasi JZNK Darul Aman serta Fungsi dan Tanggungjawab	368
Lampiran G Susunan Organisasi Baitulmal Aceh serta Fungsi dan Tanggungjawab	372

SENARAI SINGKATAN

APBD	: Anggaran Pendapatan Belanja Daerah
BAZ	: Badan ‘Āmil Zakat
BAZDA	: Badan ‘Āmil Zakat Daerah
BAZIS	: Badan ‘Āmil Zakat Infaq dan Sedekah
BAZNAS	: Badan ‘Āmil Zakat Nasional
BPS	: Badan Pusat Statistik
BUMD	: Badan Usaha Milik Daerah
BUMN	: Badan Usaha Milik Nasional
Cet.	: Cetakan
DP3	: Daftar Pedoman Pengisian Pegawai
DPRA	: Dewan Perwakilan Rakyat Aceh
DPRK	: Dewan Perwakilan Rakyat Kabupaten/Kota
KDYMM	: Keabawah Duli Yang Maha Mulia
h	: halaman
H	: Halaman
jo	: juncto
JZNK	: Jabatan Zakat Negeri Kedah
Kabag.	: Kepala Bahagian
Kasubbag.	: Kepala Sub Bahagian
kg	: kilogram
KMA	: Keputusan Menteri Agama
KWSP	: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

M	: Masehi
MoU	: Memorandum of Understanding
MPU	: Majelis Permusyawaratan Ulama
MUI	: Majelis Ulama Indonesia
No	: Nombor
OTSUS	: Outonomi Khusus
PAA	: Pendapatan Asli Aceh
PAK	: Pendapatan Asli Kabupaten/Kota
PAD	: Pendapatan Anggaran Daerah
PERMENDAGRI	: Peraturan Menteri Dalam Negeri
PNS	: Pegawai Negeri Sipil
POLRI	: Polisi Republik Indonesia
Pnyt.	: Penyunting
QS	: Quran Surah
RAKERNAS	: Rapat Kerja Nasional
RI	: Republik Indonesia
R.U.U.	: Rancangan Undang-Undang
s.a.w.	: ṣallallāhu ‘alayhi wasallām
SKB	: Surat Keputusan Bersama
SUMUT	: Sumatera Utara
s.w.t.	: subhanahu wa ta’āla
Terj.	: Terjemahan
TNI	: Tentara Negara Indonesia

U.U.	: Undang-Undang
UUD	: Undang-Undang Dasar
UUPA	: Undang-Undang Pemerintahan Aceh
ZIS	: Zakat Infaq Sedekah

PANDUAN TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam tesis ini adalah berdasarkan sistem ejaan baru Bahasa Melayu.¹ Manakala perkataan-perkataan Arab dieja berdasarkan sistem literasi seperti berikut:

1. KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh
Transliterasi			
أ	a	سأل	sa'al
ب	b	بدل	badal
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	h	حديث	ḥadith
خ	kh	خالد	khālid
د	d	دخل	dakhala
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	Rahmān
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sy	شمس	syams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	damir
ط	ṭ	طاهر	tāhir
ظ	ẓ	ظهر	zahir
ع	‘	عبد	‘abd
غ	gh	غير	ghayr
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qādi
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمар	mizmar
ن	n	نوم	nawm
و	w	وصل	wasl
ه	h	هلك	halak
ي	y	يسي	yasir

¹ Noresah Baharom (pnyt.), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996.

2. VOKAL

(a) Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh
Transliterasi			
_____	a	فعل	fa'ala
_____	i	حسب	ḥasiba
_____	u	كتب	kutiba

(b) Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh
Transliterasi			
ا / ي	ā	كاتب / قضي	kātib, qaḍā
ي	ī	كريم	karīm
و	ū	حروف	ḥurūf

(c) Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh
Transliterasi			
و	aw	قول	qawl
ي	ay	سيف	sayf
ي	i	رزعي	raj'i
و	u	عدو	'adu

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ZAKAT DI ACEH DAN NEGERI KEDAH: SATU KAJIAN PERBANDINGAN

ABSTRAK

Baitulmal di Aceh dan Jabatan Zakat Negeri Kedah ditubuhkan untuk menguruskan kutipan dan agihan zakat umat Islam. Secara tidak langsung ia juga telah membantu pihak kerajaan di dalam menangani masalah-masalah sosial yang dialami umat Islam, seperti kemiskinan atau ekonomi, kesihatan dan pendidikan. Namun, zakat yang dikumpulkan terutama di Aceh belum sepertimana yang diharapkan. Oleh itu, objektif kajian yang perlu dikaji di dalam penelitian ini adalah menyelidik sejarah pengurusan zakat dalam Islam. Kajian juga bertujuan untuk mengkaji perkembangan undang-undang pentadbiran zakat dan menyelidik perbandingan pentadbiran zakat di Aceh dan Kedah. Dalam mencapai tujuan yang digariskan, penyelidikan dilakukan secara lapangan dan kepustakaan. Kajian ini menggunakan dokumen dan temubual. Data-data dan maklumat yang diperolehi akan ditafsirkan melalui tiga metod iaitu Metod *Induktif*, Metod *Deduktif* dan Metod *Komparatif*. Kajian mendapati bahawa zakat mesti diurus oleh kerajaan, meskipun *muzakkī* dibenarkan untuk menyerahkan secara langsung zakat harta batinnya kepada *mustahīq*, seperti yang berlaku pada zaman Khalifah Uthmān. Tetapi sekiranya *muzakkī* tidak mengeluarkan zakat harta batinnya dan perkara ini diketahui oleh kerajaan, maka kerajaan berhak mengambil harta zakat *muzakkī* ini secara paksa. Selanjutnya kajian juga mendapati bahawa undang-undang dan qanun-qanun yang berhubungan dengan zakat di Aceh telah mengalami perkembangan seperti U.U. No. 44/1999 tentang Keistimewaan Aceh dalam pelaksanaan Syari'at Islam sehingga masyarakat Aceh dapat melaksanakan Syari'at Islam secara *kaffah*. Kemudian undang-undang No. 18/2001 tentang Autonomi Khusus Aceh dengan segala aturan pelaksanaannya dalam bentuk qanun, peraturan Gabenor, Instruksi Gabenor dan Keputusan Gabenor; bahawa zakat diurus oleh Baitulmal. Selanjutnya U.U.No. 11/2006 tentang Pemerintahan Aceh dan Qanun Aceh No. 10/2007 tentang Baitulmal, semakin memperkuat kedudukan Baitulmal sebagai satu-satunya institusi yang mempunyai kuasa mengurus zakat di Aceh. Sementara dapatan di Kedah, sejak digubalnya Enakmen Zakat tahun 1374 H (1955 M) sampai sekarang ini telah mengalami dua kali perubahan dalam bentuk peraturan-peraturan zakat dengan enam kali pindaan. Kajian juga mendapati, bahawa perolehan dan agihan zakat lebih banyak di JZNK berbanding Baitulmal Aceh, walaupun JZNK hanya khusus mengurus harta zakat sahaja. Perkara ini disebabkan pengurusan harta di JZNK lebih khusus berbanding Baitulmal Aceh. Para pegawai pula bekerja sepenuh masa, manakala para pegawai di Baitulmal Aceh sebahagian besar bekerja separuh masa. Selanjutnya undang-undang zakat di Kedah sudah digubal sejak tahun 1955, manakala undang-undang zakat di Aceh baru digubal pada tahun 2004. Begitu juga, undang-undang zakat di Kedah sudah pernah dikuatkuasakan, manakala undang-undang zakat di Aceh belum pernah dikuatkuasakan. Jadi, *muzakkī* tidak gentar dengan hukuman yang hanya tersebut di dalam undang-undang zakat itu kerana ia tidak dikuatkuasakan.

ZAKAT'S ADMINISTRATIVE LAW IN ACEH AND STATE OF KEDAH: A COMPARATIVE STUDY

ABSTRACT

Baitulmal in Aceh and the Department of Zakat in the State of Kedah has been formed to manage the Muslim's zakat accumulation and its distribution. Furthermore, it helps the government to overcome social problem faced by muslim community such as poverty, economy, healthcare and education. But, the accumulation of zakat especially in Aceh hasn't fulfilled the needs. Hence, the objective of this research is to study the concept and the source of zakat and its expansion. The studies also aimed to investigate the expansion of zakat's administrative law and to compare between the administration of zakat in Aceh and Kedah. In achieving the objectives as mentioned above, the study will be conducted via fieldwork and library research. These studies were obtained by documentation and interview. The datas and information will be translated using three different method which is inductive, deductive and comparative method. The study revealed that the zakat must be managed by the government, though muzakkī allowed to deliver directly the non-apparent zakat to the mustahiq, as happened in the reign of Caliph Uthman. But if the muzakkī did not give the non-apparent zakat and is known by the government, the government has the right to take the muzakki zakat property by force. Further study also revealed that the laws and qanuns which are related with zakat in Aceh like U.U. No. 44/1999 about the privilege of Aceh executing Islamic syariat in (effectively) for all Aceh community. Besides that, U.U. No. 18/2001 refers to Aceh's special autonomy with all arrangement by the qanuns, governor's law, governor's instruction and decision decided that zakat are been manage by Baitulmal. Moreover, U.U No. 11/2006 refers to Aceh governance and Aceh Qanun No. 10/2007 refers to Baitulmal, has strengthen Baitulmal as one of the only agencies that have rights to organize zakat in Aceh. While in Kedah, since the legislative of Zakat Enactment year 1374 H (1955 A.D) until now has experience changes for two times in terms of the zakat laws with six times of amendment. The study also revealed that the zakat earning in JZNK are more than Aceh Baitulmal, even though JZNK only specialized in the management of zakat. The proper management policies at JZNK were more specific compared with Baitulmal Aceh. The officers were employed full-time while the officers at Baitulmal Aceh were mostly work part-time. Furthermore the zakat law in Kedah had been enacted since 1955, while the zakat law in Aceh, formulated in 2004. Similarly, zakat law in Kedah had been enforced, and the zakat law in Aceh has not been enforced. So the muzakki do not fear to the punishment which is only stated in the zakat law because he was not enforced.

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Zakat sebagai salah satu rukun Islam mempunyai ciri-ciri khas yang berbeza berbanding ibadah yang lain kerana zakat tidak hanya berdimensi *vertikal* seperti rukun Islam lainnya, iaitu hubungan ibadah kepada Allāh s.w.t., tetapi juga berdimensi *horizontal* iaitu hubungan ibadah terhadap sesama manusia. Sebagai suatu ibadah dan juga merupakan salah satu rukun dari rukun Islam yang ketiga, kedudukan zakat di tengah-tengah umat adalah sangat penting. Dalam hal ini, zakat mempunyai dua fungsi penting dalam kehidupan umat. *Pertama*, zakat merupakan perintah Allāh sehingga mengerjakannya adalah sebuah ibadah (*ḥablūm min al-Allāh*), yang *kedua* juga mempunyai peranan meningkatkan kesejahteraan umat (*ḥablūm min al-nās*).

Sebagai salah satu rukun Islam, zakat adalah *farḍu 'ayn* dan ibadah wajib. Ia juga merupakan ibadah yang berkaitan dengan ekonomi dan kemasyarakatan (*māliyah ijtīmā'iyah*) yang mempunyai status dan fungsi yang penting di dalam syari'at Islam.¹ Bahkan al-Qur'an menjadikan zakat dan solat sebagai lambang kepada keseluruhan ajaran Islam. Zakat merupakan kewajipan agama dan bersifat ibadah kemasyarakatan yang pengembangannya dapat dikaji dengan cara *ijtihād*.

¹ Kararah, Abbas (tt), *al-Dīn wa al-Zakāh*, volume I. al-Maktabah al-Miṣriyyah, h. 276.

Zakat dan pelbagai bentuk ibadah sedekah lainnya mempunyai kedudukan yang sangat penting sebagai sumber pembelanjaan dalam masyarakat muslim, juga sebagai sumber daya untuk mengatasi pelbagai macam isu-isu sosial, yang disebabkan daripada hubungan antara manusia. Zakat juga merupakan potensi ekonomi yang mampu atau sekurang-kurangnya dapat memberi sumbangan dalam rangka membina pertumbuhan ekonomi sekaligus pemerataan (*income-economic growth with equality*), apabila diuruskan secara berkesan dan profesional.

Perbincangan berdasarkan dalil *naqli*, iaitu al-Quran dan al-Hadis banyak memberikan penjelasan tentang latar belakang disyariatkan zakat dalam Islam. Perbincangan selanjutnya adalah bagaimana mewujudkan pengurusan zakat agar dicapai secara berkesan dan tepat, yakni tepat nilai, tepat sasaran, tepat guna, tepat pada masanya, dan tepat tempat.

Motivasi agama, niat baik dan ikhlas dalam rangka ibadah kepada Allāh s.w.t. adalah asas pendekatan untuk mengurangkan jurang pemisah antara si kaya dan si miskin untuk mewujudkan keadilan dalam kemakmuran dan kemakmuran dalam keadilan. Di samping itu, secara teknis ada dua pendekatan yang dapat dipertimbangkan, yakni:

1. Pendekatan konsumtif, iaitu pertolongan terhadap si miskin yang dilakukan secara langsung untuk menyelesaikan masalah kemiskinan yang menggesa dan gawat.
2. Pendekatan produktif, iaitu lebih mengutamakan pemberian pertolongan secara berterusan yang bertujuan agar si miskin dapat menyelesaikan masalah kemiskinannya, dan bahkan dijangka nantinya mereka menjadi orang yang

wajib membayar zakat (*muzakkī*) dan tidak lagi berstatus sebagai penerima zakat (*mustahiq*). Dengan pendekatan ini harus lebih dahulu mencari dan mengenalpasti sebab-sebab adanya kelemahan atau kemiskinan dan berusaha mencari penyelesaiannya. Dengan pendekatan produktif ini diharapkan dapat mengubah atau memperbaiki penyebab yang paling asas daripada kemiskinan, kejahilan, kemalasan, kelemahan, kemunduran, ketinggalan dan sebagainya. Untuk mewujudkan pendekatan itu perlu membina institusi pengurusan zakat yang profesional.

Menurut data yang diperolehi,² justeru usaha tersebut telah dilakukan sebelum Indonesia merdeka, iaitu pada zaman Hindia Belanda dan penjajahan Jepun. Kemudian setelah Indonesia merdeka, secara beransur-ansur kerajaan memberikan perhatian terhadap pelaksanaan zakat, dengan bukti telah diterbitkan pelbagai macam dokumen rasmi, mulai dalam bentuk surat edaran yang dikeluarkan Menteri Agama atau Menteri Dalam Negeri, Surat Keputusan bersama (Menteri Agama dan Menteri Dalam Negeri), Keputusan Presiden (Keppres), sampai terakhir lahir Undang-Undang Nombor 38 Tahun 1999 tentang Pengurusan Zakat dan Peraturan Perundangan lainnya yang berkaitan dengan pengurusan zakat.

Dengan demikian, sama ada secara sejarah, mahupun undang-undang rasmi betapa sangat besar dan jelas jaminan terhadap pengurusan zakat, termasuklah dana infaq, sedekah dan dana lainnya yang menjadi wilayah pengurusan institusi zakat sebagaimana ditetapkan menurut undang-undang.

² Yoesoef, M.D. (1985), *Zakat dan sistem perpajakan di indonesia, ditinjau menurut hukum islam*, Tesis pada Program Studi Ilmu Hukum Fakultas Hukum Program Pascasarjana, Jakarta: Universitas Indonesia, h. 30.

Selain itu, terdapat banyak institusi zakat ditubuhkan dengan pelbagai nama, namun, ia didapati masih tidak dapat memenuhi keperluan semasa. Hal ini termasuklah perkara yang melibatkan hukum syarak. Pemerhatian seperti itu juga muncul di kalangan cendekiawan muslim dan ulama, sebagaimana Yafie³ menganggarkan bahawa potensi zakat mengandungi erti cukup besar bagi membangun secara keseluruhan, terutamanya dalam usaha mengurangkan kemiskinan jika potensi ini sungguh-sungguh digali, dikembangkan dan diuruskan dengan sebaik-baiknya. Tetapi potensi tersebut masih belum mencapai tahap yang baik dalam hal penggalan, pembangunan, pengaturan dan penggunaannya.⁴

Mahfudh⁵ menyatakan bahawa pengurusan zakat di dalam masyarakat belum sesuai dengan harapan dan matlamat zakat. Untuk itu perlu bimbingan daripada segi syari'ah, kaedah yang betul dan mantap. Dari segi *muzakkī* misalnya, masih melakukannya secara bersendirian, tidak melalui *'āmil*. Pembahagiannya pun masih jauh dari memuaskan. Oleh itu, perlu pengurusan institusi zakat itu sendiri. Pengurusannya tidak terbatas dengan pembentukan pengurus, tetapi lebih daripada itu, hendaknya juga berhubungkait dengan aspek pengurusan moden yang boleh dipercayai agar zakat menjadi sebuah kuasa yang bermakna. Pengurusan itu berkenaan dengan aspek pengumpulan, pendataan, penyimpanan, pembahagian dan

³ Ali Yafie adalah bekas Rektor Institut Ilmu Al-Qur'an (IIQ) Jakarta setelah Ibrahim Hosen. Ia lahir di Donggala, Sulawesi Tengah, 1 September 1926. Disamping sebagai ulama fiqh dan bekas Ketua Majelis Ulama Indonesia, ia juga termasuk tokoh *Nahdlatul 'Ulamā'*, dan pernah menjawat jawatan sebagai pegawai sementara *Rāis 'Ām* (1991-1992). Saat ini, ia masih aktif sebagai pengasuh Pondok Pesantren Dārul Dakwah Al Irsyād, Pare-Pare, Sulawesi Selatan yang ditubuhkannya tahun 1947, serta sebagai anggota dewan penasihat untuk Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI), dan terutamanya menjadi guru besar di IIQ Jakarta. Lihat Institut Ilmu Al-Qur'an Jakarta, Biografi Singkat Prof. K.H. Ali Yafie, (Online). (Akses 6 Jun 2012). Kutipan daripada <http://iiq.ac.id/index.php?pn=tokoh&id=2>

⁴ Ali Yafie (1997), *Teologi Sosial, Telaah Kritis Persoalan Agama dan Kemanusiaan*, Yogyakarta: LKPLM, h. 118-119

⁵ Sahal Mahfudh (1994), *Fiqh Sosial*, Yogyakarta: LKIS, h. 145-146


sumber daya manusianya. Lebih daripada itu, aspek yang berkaitan dengan syari'ah tidak boleh dilupakan. Ini bererti memerlukan organisasi yang kuat dan kemas.

Begitu juga yang pernah dinyatakan oleh Basyir⁶ bahawa usaha pengurusan zakat, walaupun sudah dilaksanakan namun yang segera mendapat perhatian adalah bagaimanakah penggiatan pengumpulan dan pengagihannya, disamping pemasyarakatan rasa wajibnya.

Pengurusan zakat secara profesional diyakini dapat membantu mewujudkan pembinaan insan kepada yang lebih baik dan sempurna. Walau bagaimanapun, sekiranya zakat tidak dijalankan secara bersungguh-sungguh oleh umat Islam, kemusykilan dan kesusahan dapat menimpa umat Islam.

Seperti yang diuraikan di atas, zakat merupakan salah satu aspek syariat Islam yang mempunyai hubungkait yang rapat dengan kehidupan manusia. Antaranya ialah untuk menyelesaikan masalah kemiskinan, menegakkan keadilan, membina kesejahteraan hidup, kesihatan dan masalah-masalah sosial yang lain.

Hal ini dapat diperhatikan daripada ayat 19 Surat *Al-dhāriyyāt* sebagaimana firman Allah seperti berikut:



⁶ Basyir, Ahmad Azhar, (1996), *Refleksi Atas Persoalan Ke-Islaman, Seputar filsafat Hukum, Politik dan Ekonomi*, Cet. IV, Bandung: Mizan, h. 187

Ertinya: Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).⁷

Di dalam ayat di atas, Allāh s.w.t. menyatakan bahawa di dalam setiap rezeki dan harta yang dikurniakan kepada seseorang muslim terdapat hak orang miskin yang memerlukannya. Oleh kerana itu zakat telah diwajibkan ke atas golongan yang berada.

Kenyataan ayat di atas, menurut Yūsuf Qaraḍāwī⁸ bahawa orang yang sudah mampu mengeluarkan zakat, hendaklah menyerahkan pengurusan zakatnya kepada institusi yang khusus menguruskan zakat yang memenuhi persyaratan tertentu yang disebut sebagai *‘āmil* zakat. Dalam konteks Indonesia seperti Badan *‘Āmil* Zakat (BAZ). Sebagai pemegang amanah, BAZ pula berkewajipan menyampaikan amanah zakat tersebut kepada yang *mustahīq* atau *aṣnāf* yang layak.

Jadi, walaupun zakat adalah kewajipan yang dikenakan ke atas *muzakkī*, tetapi muzakki tidak boleh sesuka hatinya berbuat demikian. Ada pihak lain selain daripada *muzakkī* dan *mustahīq* yang terbabit sehingga faedah zakat boleh optimum. Pihak berkenaan adalah Pemerintah. Pemerintahlah yang bertanggungjawab untuk membuat kutipan dan agihan zakat serta mengeluarkan arahan dan garis panduan untuk memastikan penguatkuasaan zakat yang betul.⁹

⁷ Tafsīr Pimpinan al-Rahmān Kepada Pengertian al-Quran 30 Juz (2001), Cet. Kedua Belas, Kuala Lumpur: Dārul Fikr, h. 1404.

⁸ Yūsuf Qaraḍāwī (1985), ***Fiqh al- Zakāh***, Bayrut: Muassasah al-Risālah, h. 586.

⁹ Monzer Kahf. (1999). *The Principle of Socioeconomic Justice in The Contemporary Fiqh of Zakāh. Iqtisād Jurnal of Islamic Studies*. Vol.1, No.1. h. 16.

Bagi melaksanakan tanggung jawab itu, Rasūlullāh s.a.w. sebagai ketua pemerintahan melantik petugas zakat. Petugas zakat yang pernah dilantik Rasūlullāh s.a.w. antaranya ialah Muhajir bin Abū ‘Umayyah untuk mengurus zakat daerah Sana’, Ziad bin Labid untuk daerah Hadramaut dan Malik bin Nuwairah bagi kaum Hanzalah.¹⁰ Tanggungjawab mereka adalah menilai, mengutip, menentukan besarnya keperluan *mustahīq*, mengagihkan dan menjadi juruwang dana zakat.¹¹ Demikian pula pada masa *Khulafā al-Rāsyidīn*.

Mengikut Yūsuf Qaraḍāwī,¹² ada lima alasan untuk hal itu. Pertama, pemerintah adalah pihak yang boleh menjamin kepastian hak *mustahīq*. Kedua, untuk memelihara maruah dan perasaan *mustahīq*. Ketiga, memastikan agihan secara lebih merata. Keempat, memastikan agihan diterima semua golongan *mustahīq*. Kelima, zakat merupakan salah satu sumber penerimaan negara untuk tegaknya kuasa dan pemerintahan.

Seterusnya, berdasarkan pada hasil penelitian Pusat Budaya dan Bahasa Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta tahun 2004-2005, yang menyebutkan potensi zakat, infaq, dan sedekah setiap tahunnya di Indonesia mencapai Rp 19, 3 trilion.¹³ Angka di atas barulah potensi, belum menjadi kenyataan. Pada hakikatnya, saat ini baru terkumpul Rp 1,2 trilion dalam tahun 2009. Manakala tahun 2010 terjadi peningkatan sebesar Rp 0.3 trilion menjadi Rp

¹⁰ Yūsuf Qaraḍāwī (1985), *op.cit.*, h. 797-798.

¹¹ Monzer Kahf. (1999), *op.cit* h. 18.

¹² Yūsuf Qaraḍāwī (1985), *op.cit.*, h. 742.

¹³ Sofyan Eko Putra, Optimalisasi ZIS dan Penghapusan Pajak (Cukai): Sebagai Upaya Peningkatan Kemandirian Ekonomi Masyarakat Miskin di Era Autonomi Daerah, dalam Jurnal Pembangunan, Vol. 8, NO. 1, Jun 2007, h. 96-111. Lihat juga Nuruddin Mhd. Ali, *Zakat Sebagai Instrumen Dalam Kebijakan Fiskal*. (Online), (Akses 26 Januari 2011), Kutipan daripada <http://idb2.wikispaces.com/file/view/sm2005+Zakat+Sebagai+Instrumen+dalam+Kebijakan+Fiskal.pdf>.

1,5 triliun.¹⁴ Salah satu penyebabnya adalah faktor kepercayaan pembayar zakat (*muzakkī*) yang rendah terhadap organisasi pentadbir zakat yang ada.¹⁵

Berkaitan dengan wilayah di Indonesia, Provinsi Aceh merupakan satu-satunya provinsi di Indonesia yang dibenarkan oleh kerajaan pusat untuk menjalankan syari'at Islam secara *kaffah*, termasuk dalam perkara ekonomi seperti memperluaskan sumber pendapatan daerah. Oleh yang demikian, maka Pemerintah Aceh telahpun menggubal undang-undang tentang kewajipan pembayaran zakat melalui institusi rasmi yang ditubuhkan oleh kerajaan. Pewartaan ini dimaksudkan untuk memudahkan urusan tadbir dan meningkatkan pungutan zakat sebagai sumber pendapatan daerah yang diuruskan perbelanjaannya oleh kerajaan sesuai dengan ketentuan syariah.

Institusi ini masih tetap wujud hingga sekarang dengan nama Baitulmal selaku institusi pengurus zakat. Institusi ini dikukuhkan dengan Surat Keputusan (SK) Gabenor Nombor 18 tahun 2003 yang meneruskan tugas dan fungsi Badan 'Āmil Zakat Infaq dan Sedekah (BAZIS).¹⁶ Aktiviti utama institusi ini diantaranya adalah untuk menguruskan kepentingan umat Islam, menjadikan zakat sebagai salah satu sumber Pendapatan Asli Daerah (PAD) iaitu untuk membantu pihak kerajaan menangani masalah sosial yang dialami umat Islam, misalnya memberikan bantuan kewangan kepada masyarakat miskin yang memerlukan bantuan. Bantuan kewangan

¹⁴Republika, *Potensi Zakat di Indonesia Capai Rp 100 Triliun*, (Online), (Akses 27 Januari 2011), Kutipan daripada <http://www.republika.co.id/berita/ramadhan/berita-ramadhan/10/08/11/129618-potensi-zakat-di-indonesia-capai-rp-100-triliun>.

¹⁵ Amrullah, *Potensi Zakat dan Pemanfaatannya*, dalam *Majalah Baitulmal Aceh*, Edisi ke VI/ogos-September 2010, h. 43.

¹⁶ Pasal 2 Bab II huruf a dan Pasal 61 Bab VIII ayat (1) dan (2) Keputusan Gabenor Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nombor 18 Tahun 2003 Tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Badan Baitulmal di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

yang juga diberikan kepada pihak-pihak yang memerlukan seperti, anak-anak yatim, muslim yang telah lanjut usia, orang yang sakit, orang yang sedang musafir dan telah kehabisan wang serta orang yang mempunyai hutang. Ada juga pelajar yang kurang mampu dari segi kewangan telah diberi bantuan untuk pendidikan, tapi ini belum mencukupi seperti yang dijangkakan.¹⁷

Selanjutnya orang muslim yang masih lemah kemampuan ekonomi dan lemah kepercayaannya kepada Islam (lemah aqidahnya), mereka juga mendapat perhatian dari Baitulmal ini. Namun semua ini masih jauh dari harapan yang ingin dicapai, sedangkan rakyat Aceh 98.87 peratus adalah muslim.¹⁸ Tetapi sampai masa ini kewujudan institusi zakat seperti Baitulmal, belum dapat mengurangkan kemiskinan di Aceh.

Kemunduran ekonomi yang melanda Aceh, dinafikan atau tidak, juga disebabkan oleh keengganan sebahagian masyarakat Aceh menunaikan zakat. Padahal apabila semua orang yang diwajibkan zakat di Aceh menunaikan kewajibannya (*zakat māl dan fiṭrah*) dan dikendalikan Baitulmal secara terbuka dan jelas, amanah, jujur, bertanggung jawab dan profesional, sungguh dana zakat memiliki potensi yang sangat besar bahkan dapat meringankan beban kerajaan Aceh.¹⁹ Adapun matlamat yang ingin dicapai adalah untuk mencipta peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf ekonomi dan kesejahteraan hidup umat Islam.

¹⁷ Temubual 12 Mei 2008 dengan Amrullah (Kepala Baitulmal Provinsi Aceh) di Baitulmal Provinsi Aceh.

¹⁸ Aceh Dalam Angka (2006), BPS Propinsi Aceh bekerja sama dengan BAPPEDA Propinsi Aceh, h. 102.

¹⁹ M. Shabri H. Abd. Majid, *Memultifungsikan Zakat Dalam peningkatan Ekonomi Rakyat Aceh*, (Online), (Akses 12 April 2008), Kutipan daripada <http://www.acehinstitute.org/index.php?limitstart=25>.

Di negara Malaysia undang-undang zakat bagi setiap negeri, melainkan Kedah dan Sabah, adalah tertakluk kepada Enakmen Negeri masing-masing. Negeri Kedah dan Sabah, mempunyai undang-undang zakat tersendiri yang tidak tertakluk di bawah Enakmen Negeri. Dengan berlandaskan undang-undang tersebut setiap negeri mewujudkan peraturan kecil bagi mentadbir kutipan dan agihan wang zakat. Undang-undang dan peraturan zakat kebiasaannya merangkumi proses kutipan dan agihan wang zakat termasuklah taksiran, bayaran, rayuan, kesalahan dan denda.²⁰

Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK) Darul Aman, ditubuhkan mengikut kuat kuasa undang-undang No. 4 Tahun 1374 Hijrah (1955 M), dengan titah perintah kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku (Al Marhum Tuanku Mahmud Ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajudin) iaitu nenekanda kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, dengan melantik sebuah jawatankuasa yang dinamakan "Jawatan Kuasa Zakat Negeri Kedah Darul Aman". Jawatankuasa ini bertanggungjawab di dalam urusan kutipan zakat dan pengagihannya kepada *aṣṇāf-aṣṇāf* yang ditetapkan oleh syarak.²¹

Dari segi agihan pula sebanyak RM 2.75 juta telah diagihkan kepada 11,000 pelajar yang layak di bawah Program Bantuan Persekolahan bagi tahun 2008. Setiausaha Jawatankuasa Zakat Kedah, Dato` Syeikh Ghazali Yacob ketika merasmikan Majlis Penyampaian Bantuan berkenaan berkata, bantuan itu disalurkan untuk meringankan beban rakyat miskin. Pada masa sama, beliau menjelaskan zakat

²⁰ Kamil Md.Idris, *Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji*, Universiti Utara Malaysia Sintok, Kedah.

²¹ Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman (2006), Laporan Zakat, h. 4

perniagaan telah mencatat kadar kutipan tertinggi di Kedah pada tahun lalu (2007) iaitu sebanyak RM 11.3 juta.²²

Selanjutnya pelbagai bantuan kepada *mustahiq* selalu diberikan diantaranya bantuan bencana alam dan bantuan penuntut miskin seperti yang telah berlangsung pada 27 Oktober 2009 di Dewan Menara Zakat. Kemudian pada 23 November 2009 dan 30 November 2009 juga diberikan bantuan baik pulih rumah dan bantuan pembinaan rumah kepada penduduk miskin penerima bantuan. Lebih lanjut pada 8 Februari 2010 bantuan juga diberikan kepada guru agama di Dewan Menara Zakat.²³ Jadi, zakat sangat penting untuk memperbaiki masalah-masalah sosial yang dialami umat Islam.

Daripada perbincangan di atas, kelihatan bahawa Baitulmal di Aceh dan Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK) Malaysia, mempunyai kedudukan yang sangat penting dan signifikan di dalam membantu pihak kerajaan bagi menguruskan masalah-masalah sosial seperti yang telah dinyatakan. Oleh itu, adalah penting dilakukan suatu kajian untuk melihat bagi mengenalpasti kesan perundangan terhadap kepatuhan masyarakat dan perkembangan institusi zakat di kedua-dua negeri tersebut.

1.2 Permasalahan Kajian

Institusi zakat sebagaimana yang telah ditubuhkan oleh kerajaan Islam pada zaman kehebatannya telah membuktikan bahawa ia merupakan satu amal ibadah yang

²² Jamaly (2008), *Bantuan Jabatan Zakat Negeri Kedah Untuk Pelajar*, Kedah: Buletin Zakat Kedah.

²³ Buletin Zakat, Jilid 1 2010, Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman, h. 3-5.

mampu menaikkan taraf sosio-ekonomi masyarakat Islam. Hal ini disebabkan kekayaan yang diperolehi oleh orang yang berkemampuan dapat diagihkan kepada golongan yang bernasib kurang baik. Kesungguhan golongan Islam yang berharta untuk mengeluarkan zakat secara tidak langsung telah dapat mewujudkan suatu masyarakat yang harmoni kerana ia sudah mampu merapatkan jurang antara orang miskin dengan orang kaya dalam masyarakat dan negara.

Namun, daripada realiti yang ada pada hari ini, institusi zakat masih tidak mampu untuk bertindak sebagaimana yang telah digariskan oleh agama. Hal ini disebabkan, adakalanya dalam sesetengah masyarakat Islam seperti di Aceh jumlah kutipan atau pembayar zakat masih rendah sekalipun jumlah penduduk Islamnya ramai. Masih ada jurang pemisah yang besar antara potensi zakat dengan zakat yang terkumpul.²⁴ Oleh itu, setakat ini zakat yang dikumpulkan belum mampu menunjukkan peranannya dalam mengurangkan kemiskinan umat sehingga sebahagian besar masyarakat Aceh masih dibelenggu kemiskinan. Tambahan pula Provinsi Aceh pernah dilanda konflik, gempa dan tsunami. Hal ini juga telah merosakkan tata kehidupan dan meningkatkan kadar kemiskinan di Aceh.

Berbeza di Kedah Malaysia, sekalipun jumlah penduduk Islamnya lebih sedikit berbanding Aceh,²⁵ namun jumlah kutipan zakat lebih tinggi di Kedah

²⁴ Laporan Baitulmal Aceh 2008.

²⁵ Serambi Indonesia (2010), *Penduduk Aceh 4.486.570 Orang*, (Online). (Akses 20 Ogos 2010). Kutipan daripada <http://www.serambinews.com/news/view/37456/penduduk-aceh-4-486-570-orang>. Lihat juga Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. *Lokasi*. (Online). (Akses 30 Januari 2010). penduduk Negeri Kedah berjumlah 1.942.600 Juta orang, Kutipan daripada <http://www.kedah.gov.my/keah/isi.asp?id=98&mytbl=menubarisi>. Kemudian lihat Department of Statistics Malaysia. *Principal Statistics Kedah 2009*. (Online). (Akses (Akses 30 Disember 2010). Kutipan daripada http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=674&Itemid=53&lang=bm.penduduk.

Malaysia.²⁶ Padahal Kedah bukanlah sebuah negeri yang jauh lebih kaya dibandingkan dengan Aceh. Tetapi kedua negeri ini hampir sama peringkat kekayaannya. Malah kedua negeri (Kedah dan Aceh) mempunyai hubungan sejarah yang rapat.²⁷

Menurut Djamal Doa, Undang-Undang Nombor 38 tahun 1999 masih memiliki kelemahan. Sebagai contoh undang-undang ini hanya terhad kepada pengurusan zakat semata-mata, manakala persoalan yang lebih penting di antaranya ialah bagaimana mendapatkan yang diurus (termasuk wajib zakat, ukuran *niṣāb* dan batasan *ḥawl*) tidak dibahas dengan terperinci. Kekuatan kerajaan selaku penguasa dan penganjur negara yang memiliki kuasa paksa tidak kelihatan sama sekali dalam undang-undang tersebut, mala dalam Pasal 12 undang-undang Nombor 38 Tahun 1999 ini disebutkan kalau petugas akan mengambil zakat bila diberitahu oleh *muzakkī*. Ini bererti undang-undang tersebut tidak memiliki kuat kuasa undang-undang (*force power*) untuk mengambil zakat dari *muzakkī*. Padahal kalau dilihat di dalam sejarah, pada masa Abū Bakar r.a. peperangan terhadap orang yang mengelak membayar zakat malah menjadi pilihan utama beliau.²⁸

²⁶ Lihat Jadual 5.1 Perbandingan Kutipan Zakat di Baitulmal Aceh dan Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK), h. 267.

²⁷ Luckman Sinar (1990), *Sumbangan dan Peranan Kedah Dalam Pembinaan Tamadun Nusantara*, Kertas Kerja Himpunan Budayawan Malaysia, Anjuran Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, h. 3. Lihat juga A.Samad Ahmad (1963), *Sejarah Kesusasteraan Melayu I*, DBP, h. 32-34. Kemudian Wan Shamsuddin Mohd Yusof (1316H/1898M), *Pertapakan Dan Penyebaran Islam di Negeri Kedah*, dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, Edisi Jawi, Pulau Pinang: Kim Seik Press, Penang Street, h. 103. Dan Wan Shamsuddin Mohd Yusof (1995), *Pertapakan Dan Penyebaran Islam di Negeri Kedah*, dipetik dari Mahayudin Hj. Yahaya, *Penyebaran Islam di Tanah Melayu Sebelum Lahirnya Kerajaan Melayu Melaka: Sejarah dan Implikasinya*, Kertas Kerja Majlis Polemik Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, h. 6.

²⁸ Abdul Wahab al-Nadhār (t.t), *al-Khulafā al-Rāsyidīn*, Bayrut: Dār al-Fikr, h. 37. Lihat juga M. Husayn Haekal (1995), *Hayat Muhammad*, ‘Ali Awdah (terj.), Jakarta: Pustaka Litera Antar Nusa, h. 613.

Apakah kerana tidak kuatnya asas hukum sehingga kurangnya jumlah kutipan zakat di Aceh berbanding dengan Negeri Kedah. Padahal di Aceh juga sudah ada Qanun provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nombor 7 tahun 2004 tentang pengurusan zakat yang kemudian diganti dengan Qanun Aceh Nombor 10 Tahun 2007 tentang Baitulmal dan ada juga peraturan Gabenor Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nombor 22 tahun 2005 tentang mekanisme pengurusan zakat, atau apakah undang-undang zakat dan sistem pentadbiran zakat di Negeri Kedah sudah sesuai dengan tujuan dan sasaran zakat. Oleh itu permasalahan yang ingin dikaji dalam penyelidikan ini adalah mengenai undang-undang pentadbiran zakat secara perbandingan di antara kedua-dua negeri tersebut.

1.3 Ojektif Kajian

1. Untuk mengkaji undang-undang pentadbiran zakat dalam Islam.
2. Untuk mengkaji perkembangan undang-undang pentadbiran zakat di Aceh dan Kedah.
3. Untuk mengkaji perbandingan undang-undang pentadbiran zakat di Aceh dan Kedah.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada undang-undang pentadbiran zakat dengan menghadkan kajian kepada perbandingan antara undang-undang pentadbiran zakat di Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK), Malaysia dengan undang-undang pentadbiran zakat di Baitulmal Aceh, Indonesia.

Perbandingan ini dipilih kerana dari segi penduduk, Aceh lebih ramai berbanding Kedah. Sepatutnya kutipan zakat di Aceh lebih tinggi berbanding Kedah. Tetapi berdasarkan data jumlah kutipan zakat bermula tahun 2006 hingga 2009 yang pengkaji perolehi dari Baitulmal Aceh dan Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK), ternyata perolehan zakat lebih banyak di Kedah berbanding Aceh. Sehingga membolehkan pengkaji membuat kesimpulan bahawa penduduk Kedah lebih kaya berbanding Aceh, walaupun Penduduk Aceh lebih ramai berbanding penduduk Kedah. Begitu juga berkaitan dengan hukuman. Di Aceh belum pernah diterapkan hukuman bagi sesiapa yang telah berbuat kesalahan dalam masalah zakat. Manakala di Kedah hukuman sudah pernah dilaksanakan terhadap kes-kes pelanggaran zakat. Maka pengkaji membuat kesimpulan bahawa di Kedah lebih ramai yang mengeluarkan zakat supaya mengelakkan daripada hukuman, dan hukuman dapat sahaja dilaksanakan bila-bila masa kerana adanya undang-undang sebagai penguatkuasa.

Kajian ini juga hanya akan meneliti data-data dalam tempoh 4 tahun yang bermula dari tahun 2006 sehingga 2009. Hal demikian kerana Aceh mengalami musibah besar gempa dan tsunami pada tahun 2004, sehingga data-data banyak yang hilang. Data antara tahun-tahun tersebut sudah memadai untuk menunjukkan fakta-fakta yang diperlukan dalam mencapai objektif kajian ini.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat disenaraikan sebagai berikut:

1. Hasil temuan diharapkan dapat berguna untuk mengetahui sejarah dan konsep pentadbiran zakat dalam Islam.

2. Ia akan menjadi satu sumbangan baru kepada dunia akademik memandangkan kajian berkenaan permasalahan undang-undang pentadbiran zakat secara perbandingan antara Baitulmal Aceh Indonesia dengan Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK) Malaysia tidak pernah dibuat sebelum ini.
3. Dengan itu diharapkan ia juga akan memberi panduan kepada institusi pengurusan zakat di Baitulmal Aceh dan di JZNK Kedah Malaysia dalam memperkemas lagi undang-undang zakat dan sistem pentadbiran mereka agar matlamat dan konsep zakat sebagaimana yang dikehendaki oleh agama Islam dapat direalisasikan.
4. Hasil penyelidikan ini dijangka akan menambah bukti dan maklumat yang cukup berguna, kerana setakat ini juga belum pernah dilakukan kajian tentang undang-undang pentadbiran zakat di Aceh dan Kedah sebagai satu perbandingan.
5. Hasil kajian diharapkan dapat digunakan untuk mengetahui perkembangan undang-undang pentadbiran zakat dan perbandingan undang-undang pentadbiran zakat di Aceh dan Kedah.
6. Hasil penyelidikan ini akan menambah bilangan literatur tentang pengurusan zakat. Hasil penyelidikan boleh dijadikan sebagai bahan rujukan baik dikalangan ahli-ahli akademik, institusi-institusi pengurusan zakat dan peminat lainnya kepada penyelidikan dan kajian-kajian yang berkaitan dengan pengurusan zakat dimasa hadapan.

1.6 Tinjauan Kajian Terdahulu

Persoalan tentang zakat ialah persoalan yang menarik. Ia telah banyak dikaji dan diteliti. Kajian-kajian yang telah dilakukan diantaranya oleh para fuqaha seperti: Imam Syāfi'ī dalam kitabnya *al-Umm* menghuraikan tentang zakat dan lainnya. Kitab ini begitu penting sekali, ia menjadi kajian dan rujukan hukum Islam khususnya *Madhhab* Syāfi'ī.²⁹

Selanjutnya, al-Ramlī menulis kitab *Nihāyah al-Muhtāj*, dalam kitab ini ia menghuraikan zakat dan seluk beluknya dalam pandangan fuqaha dan lainnya. Kitab ini juga memberikan sumbangan penting terhadap kajian hukum Islam khususnya yang berkaitan dengan zakat.³⁰

Kemudian Ibn Quḍāmah dalam kitabnya *al-Mughnī* telah menjelaskan konsep zakat, meskipun perbincangan tentang zakat sifatnya tidak menyeluruh, kerana dalam kitab tersebut banyak persoalan kajian hukum Islam yang dibahas. Namun perbincangan zakat telah memberi sumbangan penting dalam hukum Islam.³¹

Seterusnya, Ibn Hazm telah menulis tentang zakat dan permasalahannya di dalam kitabnya *al-Muḥallā*. Kitab ini memberikan rujukan penting khususnya bagi mereka yang menyokong *Madhhab* Ḍāhirī.³² Kemudian ada juga kitab-kitab turath lain yang telah membincangkan mengenai zakat seperti *Hāsyiyāt al-Dasūqī'alā*

²⁹ Al-Syāfi'ī (1993), *al-Umm*, jld. 2, Bayrut: Dār al-Ma'rifah.

³⁰ Ramlī, Syams al-Dīn Muhammad bin Abī al-'Abbās, al- .(1938). *Nihāyah al-Muhtāj ila Syarḥ al-Minhāj*. Juzu' 3. Misr: Mustafā al-Bābī al-Halabī wa Awlāduh.

³¹ Ibnu Quḍāmah (t.t). *al-Mughnī*. Jilid 2, Riyāḍ: Muassasah Sa'idiyyah.

³² Ibn Hazm (1968), *al-Muḥallā*, Qāhirah: Maṭba'ah al-Jumhuriyyah al-'Arabiyyah.

Syarḥ al-Kabīr yang ditulis oleh Muḥammad ‘Arafāt al-Dasūqi, *Al-Kāfi fī Fiqh Ahl al-Madīnah al-Malikī* karya Muḥammad Ibn ‘Abd al-Bar al-Namurī, *al-Badā’i’ al-Ṣanā’i* yang dikarang oleh Abū Bakr bin Mas’ūd al-Kasāni al-Ḥanafī, *Fath al-Qadīr* oleh Al-Syirāzī, *al-Majmū’* hasil karya daripada Al-Nawawī dan sebagainya.

Karya-karya ini amat tinggi nilai keilmuannya dan telah membahas pelbagai persoalan fiqh termasuk persoalan zakat. Tidak terkecuali mengenai perundangan zakat, khususnya pada zaman awal Islam. Namun karya-karya ini belum mampu menjawab persoalan fiqh semasa seperti yang berlaku di Aceh, Indonesia dan Negeri Kedah, Malaysia. Pada hakikatnya, ini tidaklah dapat dinafikan memandangkan perbezaan era penulisan karya tersebut sudah amat lama bahkan menjangkau seribu tahun dan terpengaruh pula dengan keadaan lokasi dan budaya Timur Tengah.

Sungguhpun begitu, tidaklah pula hasil karya fuqaha silam dibiarkan sia-sia. Sebaliknya, penulis menjadikan pendapat, pegangan dan idea-idea mereka sebagai satu topik kajian dalam tesis ini untuk dinilai dan diberikan suntikan baru agar bersesuaian dengan kehendak dan nilai semasa, sama ada di Aceh mahupun di Negeri Kedah, Malaysia.

Dalam era moden sekarang ini, Penulisan yang sangat kritis dan persoalan-persoalan baru tentang zakat telah dihuraikan oleh Yūsuf Qaraḍāwī. Ia telah menulis satu buku tentang zakat dengan tajuk: *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah Li aḥkāmihā wa-Falsafatihā Fī Ḍaw’i al-Qurān wa-al-Sunnah*. Buku ini terdiri daripada dua jilid. Ia membahas erti proses transformasi dalam bentuk kebangkitan

zakat.³³ Dalam buku itu Yūsuf Qaraḍāwī juga telah membangkitkan pelbagai macam perkara baru yang belum diterangkan oleh ahli fiqh klasik. Ia berusaha membangkitkan hukum-hukum zakat berasaskan al-Quran dan hadis dengan *nāṣ-nāṣ* yang masih tradisional. Namun begitu ia mengambil rujukan yang sangat luas daripada al-Quran dan hadis. Kemudian juga dibincangkan tentang perkara-perkara baru yang wajib dizakati seperti zakat pelaburan, kilang-kilang, gedung-gedung, hasil pendapatan, gaji atau perkhidmatan profesi serta zakat saham dan obligasi, turut di bincangkan dalam buku itu. Beliau boleh dianggap sebagai pelopor perundangan zakat moden kerana idea-idea yang dikemukakan dengan hujah yang bernas sesuai dengan keperluan dalam sistem zakat semasa.

Berikutnya Wahbah Zuḥaylī³⁴ seorang ulama di era kontemporari ini menulis satu buku dengan tajuk: *al-Fiqh al-Islāmī Wa adillatuhū*. Dalam buku itu al-Zuḥaylī tidak sahaja membincangkan mengenai zakat dalam fiqh klasik, tetapi juga persoalan-persoalan zakat terkini, dan persoalan-persoalan fiqh lainnya dengan sumber-sumber rujukan yang bernas. Perbincangan perkara-perkara tersebut dilakukan dengan pendekatan *muqāran* dan tidak sekadar membandingkan pendapat *Ahlu al-Sunah* (Hanafī, Malikī, Syāfi'ī dan Hanbalī) sebagai rujukan, tetapi juga pendapat ulama Syi'ah, walaupun memang pendapat ulama *Ahlu al-Sunah* lebih dominan.

Selanjutnya perbincangan mengenai konsep-konsep zakat terkini dan pentadbiran zakat juga dibincangkan oleh para pakar zakat lainnya seperti Hafidhuddin,³⁵ beliau telah menulis satu buku dengan tajuk: *Zakat Dalam*

³³ Yūsuf Qaraḍāwī (1985), *Fiqh al-Zakāh*, Jilid 1-2. Bayrut: Muassasah al-Risālah.

³⁴ Wahbah al-Zuḥaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī Wa adillatuhū*, Juzu' 2, Bayrut: Dār al-Fikr.

³⁵ Didin Hafidhuddin (2002), *Zakat Dalam Perekonomian Moden*, Jakarta: Gema Insani Press.

Perekonomian Moden. Dalam buku ini ia membincangkan bahawa pada masa ini, yang wajib di zakati tidak hanya menumpukan pada zakat pertanian, ternakan, perniagaan, emas dan perak serta harta terpendam, akan tetapi masa ini telah muncul pelbagai kerjaya seperti perkhidmatan dan usaha moden. Kerjaya moden itu antaranya adalah seperti kerjaya doktor perubatan, peguam, ahli politik, perniagaan mata wang dan sebagainya.

Selanjutnya Djamal Doa³⁶ menulis satu buku yang bertajuk *Menggagas Zakat oleh Negara*. Dalam buku itu Doa membincangkan dasar tolak ansur antara konsep dengan amalan/pelaksanaan zakat oleh kerajaan. Masalah utama yang dibincangkan kelihatannya masih dalam kerangka sistem percukaian Indonesia. Undang-undang No 17/2000, tentang cukai disebutkan bahawa zakat dapat mengurangi kekayaan kena cukai. Ia juga memberikan tumpuan terhadap pengurusan zakat. Akhirnya dia menyimpulkan bahawa institusi pengurusan zakat mesti dihubungkan dengan institusi cukai supaya nilainya bertambah besar.

Lebih lanjut Maratua Simanjuntak³⁷ menulis satu tesis penyelidikan bertajuk *Pengelolaan Zakat di Medan dan Pulau Pinang: Suatu Kajian Perbandingan*. Dalam tesis ini ia membincangkan jumlah pembayar dan kutipan zakat pada dua tempat tersebut, kaedah pengumpulan dan pengagihan zakat, kelebihan dan kekurangan sistem pengurusan zakat di Medan Indonesia dan Pulau Pinang Malaysia.

³⁶ M. Djamal Doa (2001), *Menggagas Pengelolaan Zakat Oleh Negara*, Jakarta: Nuansa Madani.

³⁷ Maratua Simanjuntak (2006), *Pengelolaan zakat di Medan dan Pulau Pinang: Suatu Kajian Perbandingan*, Universiti Sains Malaysia

Berikutnya Permono³⁸ menulis satu buku tentang zakat bertajuk *Sumber-Sumber Penggalan Zakat*. Perbincangan dalam buku itu menurutnya zakat ialah satu konsep Islam yang mampu mengatasi kemiskinan. Hal ini seperti yang pernah dilakukan pada zaman Rasul dan *Khulafā al-Rāsyidīn*.

Kemudian berkaitan dengan perbahasan zakat di Aceh diantaranya telah dibincangkan oleh Armiadi, beliau telah menulis satu buku dengan tajuk: *Zakat Produktif: Solusi Alternatif Pemberdayaan Ekonomi Umat (Potret dan Praktek Baitulmal Aceh)*. Dalam buku ini ia membincangkan mengenai aplikasi pemberdayaan zakat produktif untuk membangun ekonomi para *mustahīq* miskin dan mencoba menggali konsep instrumen fiqh yang sesuai untuk di aplikasi.³⁹

Selanjutnya, *kesan perundangan zakat keatas kepatuhan bayaran zakat: ke arah strategi berkesan program pengurusan kutipan zakat*, ialah kertas kerja yang telah dibentangkan pada seminar IDMAC 2010 oleh Zulkifli Daud dan Sanep Ahmad, membincangkan tentang peranan, perundangan dan institusi zakat di Aceh. Menurut beliau, Implikasi penting kajian ialah program pendidikan dan kefahaman tentang wajib zakat khususnya kepada generasi muda serta strategi pembudayaan zakat dikalangan masyarakat perlu diberi lebih perhatian sebagai strategi bagi meningkatkan kadar kepatuhan zakat.⁴⁰

Kemudian Kajian tentang *Kesan pelaksanaan cukai pendapatan dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan membayar zakat pendapatan di*

³⁸ Syeikhul Hadi Permono (1999), *Sumber-Sumber Penggalan Zakat*, Jakarta: Pustaka Firdaus.

³⁹ Armiadi (2008), *Zakat Produktif: Solusi Alternatif Pemberdayaan Ekonomi Umat (Potret dan Praktek Baitulmal Aceh)*, Darussalam Banda Aceh: Ar-Raniry Press.

⁴⁰ Kertas kerja dibentangkan pada The 4th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 10), 21-22 Disember 2010, Universiti Sains Malaysia.

Aceh, telah dilakukan oleh Damanhur dengan hasil kajiannya adalah bahawa pembolehubah pelaksanaan cukai dan zakat mempengaruhi gelagat individu pembayar zakat. Dengan perkataan lain, ini bermakna bahawa pelaksanaan cukai amat berkaitan dengan sikap dan kepatuhan individu dalam membayar zakat. Selanjutnya beliau juga menyatakan, Institusi-institusi pengurusan harta agama di Provinsi Aceh memang telah berjalan selama 30 tahun, dengan nama yang telah berganti-ganti pula, namun kewujudannya belum dapat dihandalkan secara maksimum dalam mengurus harta agama.⁴¹

Berikutnya, dalam bengkel/perbincangan jawatan kuasa Fatwa Majlis Ulama Indonesia Banda Aceh pula yang dilaksanakan pada 8 hingga 10 *Sya'bān* 1398 H bersamaan dengan 14-16 Julai 1978 M, telah memperkukuhkan bahawa hasil gaji wajib dizakati. Walau bagaimanapun, *niṣāb* dan kadar zakatnya sama dengan *niṣāb* dan kadar emas.⁴²

Berkaitan dengan perbahasan pentadbiran zakat di Negeri Kedah di antaranya telah pula dibincangkan oleh Mahayuddin Hj Ahmad. Ia menulis satu tesis penyelidikan bertajuk *Konsep dan Amalan Pentadbiran Zakat di Negeri Kedah: Kajian Mengikut Enakmen 1955*. Dalam tesis ini ia membincangkan tentang Enakmen Zakat 1955 sebagai penguatkuasa zakat di Negeri Kedah, hukuman yang diberikan berdasarkan Enakmen Zakat 1955 terhadap sesiapa yang melakukan

⁴¹ Damanhur (2006), *Kesan pelaksanaan cukai pendapatan dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan membayar zakat pendapatan di Aceh*, Jabatan Syariah dan Ekonomi Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

⁴² Baitulmal Aceh (2006), *Pedoman Pemungutan Zakat Jasa/Penghasilan berdasarkan Fatwa MUI Provinsi Aceh Tahun 1978-1994*, Banda Aceh: Baitulmal Aceh.

kesalahan-kesalahan berkaitan zakat, punca undang-undang zakat di Negeri Kedah tiada lagi dikuatkuasakan dan kelemahan-kelemahan Enakmen Zakat 1955.⁴³

Selanjutnya kajian ilmiah tentang gelagat kepatuhan zakat perniagaan di Negeri Kedah Darul Aman karya Ram Aljaffri Saad, telah menyiasat faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan di Negeri Kedah. Hasil kajian mengesahkan pengaruh niat dan kawalan gelagat ditanggapi terhadap gelagat kepatuhan zakat perniagaan serta menyokong peranan kawalan gelagat ditanggapi terhadap niat.⁴⁴

Kajian ilmiah lainnya adalah seperti yang telah dilakukan oleh Kamil berkaitan dengan *Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji*. Hasil Kajian ini menyatakan bahawa terdapat hubungan langsung diantara tanggapan individu kepada undang-undang zakat dan kebarangkalian pembayaran zakat.⁴⁵

Begitu juga dengan kajian ilmiah lainnya seperti yang telah dilakukan oleh Zulkefly, Mohd Azlan, S.Z. dan Hairunnizam, tentang *Pendapatan dan sasaran perbelanjaan dana zakat negeri kedah, perak, selangor dan negeri sembilan: isu dan*

⁴³ Mahayuddin Hj Ahmad (2001), *Konsep dan Amalan Pentadbiran Zakat di Negeri Kedah: Kajian Mengikut Enakmen 1955*, Universiti Malaya, Jabatan Syari'ah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam.

⁴⁴ Ram Aljaffri Saad (2010), *Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan di Negeri Kedah Darul Aman*, Tesis Diserahkan Untuk Memenuhi Keperluan Bagi Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

⁴⁵ Kamil, M.I. (2002) *Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji*, Kertas kerja yang dibentangkan pada Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

cabaran. Kajian ini telah mendapati bahawa institusi mempunyai peranan yang sangat penting.⁴⁶

Dari semua yang penulis sebutkan di atas, dapat disimpulkan bahawasanya tidak satu pun yang fokus kajiannya membahas tentang satu kajian perbandingan undang-undang pentadbiran zakat khusus di Aceh dan Negeri Kedah. Oleh kerana itu, faktor fokus kajian tersebut di atas yang menjadi perbezaan penyusunan tesis ini dengan buku-buku yang tersebut, iaitu mengenai kajian terhadap undang-undang pentadbiran zakat di Aceh dan Negeri Kedah sebagai satu kajian perbandingan.

1.7 Metodologi Kajian

Untuk tujuan penulisan tesis ini diadakan penyelidikan lapangan (*Field Research*) dan penyelidikan kepustakaan (*Library Research*). Dalam *Field Research* pengumpulan data dilakukan dengan cara temubual dan dokumentasi, yang diperolehi dari Baitumal Aceh, Dinas Syariat Islam dan Kantor Statistik Provinsi Aceh serta Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK) Malaysia. Sedangkan *Library Research*, penulis mengadakan penelitian dengan membaca buku-buku, jurnal, majalah, artikel, serta karya-karya ilmiah yang berhubungan dengan penulisan ini.

Penyelidikan ilmiah ini adalah merupakan satu kajian yang berbentuk kualitatif kerana berkaitan dengan ilmu Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-

⁴⁶ Zulkefly, A.K., Mohd Azlan, S.Z. dan Hairunnizam, W. (2002), *Pendapatan dan sasaran perbelanjaan dana zakat negeri kedah, perak, selangor dan negeri sembilan: isu dan cabaran*, Kertas Kerja dibentangkan pada Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia.